# BIDANG PEMBELAJARAN 2

# NILAI BERKAITAN DENGAN KEKELUARGAAN

BIDANG PEMBELAJARAN 2 : NILAI BERKAITAN DENGAN KEKELUARGAAN

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 2.1 Kasih Sayang terhadap Keluarga<br><br>Perasaan cinta, kasih dan sayang yang mendalam dan berkekalan terhadap keluarga. | **Kasih sayang asas keluarga bahagia**<br><br>Kebahagiaan keluarga tanggungjawab bersama<br>• Kasih dan sayang terhadap anggota keluarga<br>• Hubungan keluarga yang harmonis | Menyayangi ibu bapa dan anggota keluarga yang lain | i. Peta minda tentang ciri-ciri keluarga bahagia<br><br>ii. Main peranan sebagai anak yang menyayangi ibu bapa dan anggota keluarga yang lain |
| 2.2 Hormat dan Taat kepada Anggota Keluarga<br><br>Memuliakan setiap anggota keluarga dengan berinteraksi dan memberi layanan secara bersopan untuk mewujudkan keluarga yang harmoni. | **Pegangan agama menjamin keluarga bahagia**<br><br>Hormat dan taat kepada ibu bapa tuntutan agama<br>• Kedudukan ibu bapa mengikut perspektif agama<br>- Islam<br>- Buddha<br>- Hindu<br>- Kristian<br>- Sikh | Memulia dan mentaati ibu bapa seperti yang dituntut agama | i. Menyenaraikan perlakuan yang menunjukkan sikap hormat dan taat kepada anggota keluarga<br><br>ii. Mengumpul maklumat daripada pelbagai media dan membincangkan tentang kedudukan ibu bapa mengikut perspektif agama |

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 2.3 Mengekalkan Tradisi Kekeluargaan<br><br>Menerima, menghormati dan mengamalkan sesuatu kebiasaan, adat dan kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun dalam keluarga. | **Tradisi kekeluargaan warisan berharga**<br><br>Amalan adat menghidupkan tradisi kekeluargaan<br>• Amalan tradisi oleh keluarga sejak turun-temurun<br>- Sambutan sesuatu perayaan bersama keluarga | Mematuhi adat dan tradisi yang diamalkan oleh keluarga | Mengumpul gambar beserta penerangan ringkas mengenai adat dan tradisi keluarga dan menghasilkan buku skrap |
| 2.4 Tanggungjawab terhadap Keluarga<br><br>Kewajipan yang harus dilaksanakan oleh setiap individu terhadap keluarga untuk melahirkan keluarga bahagia, meningkatkan imej dan menjaga maruah keluarga. | **Tanggungjawab terhadap keluarga ialah satu amanah**<br><br>Maju diri demi kebahagiaan hidup keluarga<br>• Sikap bertanggungjawab untuk memajukan diri dan keluarga<br>- Pendidikan<br>- Kerjaya | i. Belajar bersungguh-sungguh untuk kemajuan diri dan keluarga<br><br>ii. Menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga | Membina carta roda masa depan yang menunjukkan kemajuan diri dalam pendidikan dan kerjaya |

# BIDANG PEMBELAJARAN 3

# NILAI BERKAITAN DENGAN ALAM SEKITAR

BIDANG PEMBELAJARAN 3 : NILAI BERKAITAN DENGAN ALAM SEKITAR

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 3.1 Menyayangi dan Menghargai Alam Sekitar<br><br>Kesedaran tentang perlunya memelihara dan memulihara alam sekeliling untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem. | Persekitaran berkualiti kesejahteraan bersama<br><br>Keceriaan sekolah tanggungjawab bersama<br>• Tanggungjawab memelihara dan memulihara persekitaran sekolah<br>- Kebersihan dan penghijauan persekitaran sekolah | Menjaga persekitaran supaya sentiasa bersih dan segar | i. Menjaga dan menceriakan kawasan di sekolah<br><br>ii. Membuat penilaian tentang kebersihan kawasan-kawasan di sekolah |
| 3.2 Keharmonian antara Manusia dengan Alam Sekitar<br><br>Keadaan saling memerlukan hubungan yang harmonis antara manusia dengan alam sekeliling supaya kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling terpelihara. | Air sumber alam berharga<br><br>Air nadi kehidupan<br>• Kepentingan air dalam kehidupan<br>- Punca air dan kegunaannya<br>- Tanggungjawab menjaga kebersihan sumber air<br>- Penjimatan air | Menjaga kebersihan sumber air dan mengelakkan pembaziran | i. Menghasilkan poster bertemakan `Air'<br><br>ii. Buku skrap:<br>- Kepentingan air |

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 3.3 Kemapanan Alam Sekitar<br><br>Pengekalan keseimbangan alam sekeliling sebagai tanggungjawab bersama untuk kesejahteraan hidup. | **Perlindungan santuari hidupan tanggungjawab bersama**<br><br>Zon persisiran pantai perlu dilindungi<br>• Pembangunan terkawal di zon persisiran pantai<br>• Pengekalan kawasan terumbu karang untuk pembiakan hidupan marin | Melibatkan diri dalam melindungi zon persisiran pantai | i. Tayangan video mengenai perlindungan santuari.<br><br>ii. Mengadakan aktiviti membersihkan persisiran pantai. |
| 3.4 Peka terhadap Isu-isu Alam Sekitar<br><br>Prihatin terhadap persoalan yang berkaitan dengan alam sekeliling dan berusaha menyelesaikannya. | **Bencana alam ialah fenomena semulajadi**<br><br>Peka terhadap kejadian bencana alam demi keselamatan bersama<br>• Kesan bencana alam kepada alam sekitar<br>• Persediaan menghadapi bencana alam | Peka terhadap kejadian dan kesan bencana alam serta mengenal pasti langkah-langkah persediaan dalam menghadapi bencana alam | i. Membina peta aliran yang menunjukkan persediaan yang dibuat dalam menghadapi bencana alam.<br><br>ii. Mengumpul maklumat daripada media cetak atau elektronik dan berbincang tentang bencana alam.<br><br>iii. Melakonkan satu latihan kecemasan. |

## BIDANG PEMBELAJARAN 4

# NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME

## BIDANG PEMBELAJARAN 4 : NILAI BERKAITAN DENGAN PATRIOTISME

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 4.1 Cinta akan Negara<br><br>Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri. | Nikmat dan keselesaan hidup tanda kemakmuran negara<br><br>Kemudahan awam dan perkhidmatan sosial negara tanggungjawab bersama<br>• Perasaan bangga dengan kemudahan awam dan perkhidmatan sosial negara<br>• Sikap bertanggungjawab menjaga kemudahan awam dan perkhidmatan sosial yang terdapat dalam negara | Berbangga serta menggunakan sebaik-baiknya segala perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan | Surat kepada sahabat di luar negeri menceritakan tentang rasa bangga tentang kemudahan awam/perkhidmatan sosial yang ada dalam negara |
| 4.2 Taat Setia kepada Raja dan Negara<br><br>Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada Raja dan Negara. | Raja dan pemimpin ialah payung negara<br><br>Kesetiaan kepada raja dan negara ialah kewajipan bagi setiap rakyat<br>• Tatalaku dalam majlis yang dihadiri oleh pembesar negara<br>• Taat setia kepada raja dan negara<br>- Hari Keputeraan<br>- Hari Kebangsaan<br>- Pertabalan Raja | i. Menghormati dan mentaati upacara dan majlis rasmi yang dihadiri oleh pembesar negara<br><br>ii. Menyokong dan menyertai program-program sambutan hari kebesaran negara | i. Menunjukkan rakaman pertabalan Yang Di Pertuan Agong/Sultan dan membuat perbincangan tentang tata laku dalam majlis tersebut.<br><br>ii. Merancang dan menyertai program Hari Kebangsaan di peringkat sekolah<br>- Melukis/mewarna/mengibar Bendera Malaysia<br>- Sudut patriotisme di dalam kelas |

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 4.3 Sanggup Berkorban untuk Negara<br><br>Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara. | Sanggup berkorban demi kebajikan masyarakat dan kemakmuran negara<br><br>Kesanggupan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan<br>• Sedia mengorbankan masa dan tenaga dalam kerja-kerja amal<br>- Ekonomi<br>- Kesihatan<br>- Pendidikan<br>- Sukan | Sanggup mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan demi negara | Membuat laporan tentang aktiviti kemasyarakatan yang pernah disertai. |

# BIDANG PEMBELAJARAN 5

# NILAI BERKAITAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA

BIDANG PEMBELAJARAN 1 : NILAI BERKAITAN DENGAN HAK ASASI MANUSIA

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 5.1 Melindungi Hak Kanak-kanak<br><br>Membela, memberi naungan dan memelihara hak kanak-kanak bagi menjamin kehidupan mereka yang sempurna. | Persekitaran mempengaruhi pertumbuhan kanak-kanak<br><br>Ibu bapa pelindung kanak-kanak<br>• Tanggungjawab ibu bapa memastikan anak-anak mendapat kehidupan sempurna<br>- Pendidikan<br>- Perlindungan | Menyedari kanak-kanak berhak mendapat pendidikan dan perlindungan untuk menjamin kehidupan yang sempurna | Berbincang dan menghasilkan buku skrap tentang persekitaran yang selesa untuk kanak-kanak<br>- Tempat tinggal<br>- Suasana pembelajaran |
| 5.2 Menghormati Hak Wanita<br><br>Melindungi dan mengiktiraf wanita sebagai individu yang boleh memberi sumbangan dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. | Pengiktirafan hak wanita menjamin pembangunan insan<br><br>Hak wanita tanggunggjawab bersama<br>• Peka terhadap hak wanita<br>- Hal-hal kebajikan<br>- Peluang kenaikan pangkat<br>- Pengeksploitasian<br>- Iklan | Bersikap terbuka dalam mengikfiraf wanita sebagai golongan yang berkebolehan, berpotensi dan bermaruah | Mengumpul maklumat dari media cetak dan media elektronik mengenai pengeksploitasian wanita dan mempamerkan di kelas |

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 5.3 Melindungi Hak Pekerja<br><br>Menghormati, menghargai dan mengiktiraf perkhidmatan, jasa dan sumbangan golongan pekerja dalam pembangunan negara. | **Majikan yang prihatin meningkatkan produktiviti negara**<br><br>Majikan prihatin pekerja berjaya<br>• Tanggungjawab majikan dalam menjaga kebajikan pekerja<br>- Keselesaan tempat kerja<br>- Peluang meningkatkan kerjaya<br>- Kemudahan berekreasi | Menerima hakikat bahawa kebajikan pekerja merupakan tanggungjawab majikan | i. Mengumpul iklan kerja dari akhbar dan membuat perbandingan tentang kemudahan serta faedah yang ditawarkan<br><br>ii. Simulasi<br>- Mewawancara dengan pekerja atau majikan tentang kebajikan pekerja |
| 5.4 Menghormati Hak Golongan Kurang Berupaya<br><br>Memberi layanan yang bersopan kepada golongan kurang berupaya supaya tidak berasa tersisih dan mengiktiraf mereka sebagai insan ciptaan Tuhan. | **Golongan kurang berupaya insan ciptaan Tuhan**<br><br>Prihatin terhadap golongan kurang berupaya<br>• Golongan kurang berupaya memerlukan layanan dan sokongan daripada pelbagai pihak<br>- Keluarga<br>- Rakan sebaya<br>- Anggota masyarakat | Memberi layanan dan sokongan yang baik kepada golongan kurang berupaya | i. Lawatan ke pusat spastik atau kelas pendidikan khas dan membuat laporan<br><br>ii. Tayangan video berkaitan golongan kurang berupaya dan berbincang tentang layanan yang diberi |

<table>
<tr><th>NILAI</th><th>KANDUNGAN AKADEMIK</th><th>HASIL PEMBELAJARAN</th><th>CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN</th></tr>
<tr><td>5.5 Melindungi Hak Pengguna<br><br>Membela dan memelihara hak individu untuk menjadi pengguna yang berilmu, mendapat perkhidmatan serta barangan yang berkualiti dan tidak mudah dieksploitasi.</td><td>Kesedaran pengguna tanda masyarakat matang<br><br>Pendidikan kepenggunaan asas kepekaan pengguna<br>• Kepekaan pengguna terhadap hak dan tanggungjawab<br>- Maklumat tentang barangan dan perkhidmatan supaya mudah membuat pilihan dan mengelakkan penipuan<br>- Perlindungan daripada penggunaan barangan dan perkhidmatan yang membahayakan</td><td>Menyedari dan mengenal pasti hak pengguna untuk mendapat perlindungan dan maklumat tentang barangan dan perkhidmatan</td><td>i. Mengumpul, membincang dan mempamerkan maklumat tentang hak pengguna daripada media cetak dan elektronik<br><br>ii. Menulis surat aduan kepada Persatuan Pengguna tentang barangan/perkhidmatan yang tidak memuaskan</td></tr>
</table>

# BIDANG PEMBELAJARAN 6

# NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI

BIDANG PEMBELAJARAN 6 : NILAI BERKAITAN DENGAN DEMOKRASI

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 6.1 Mematuhi Peraturan dan Undang-undang<br><br>Menerima dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditentukan tanpa mengira sesiapa dan di mana seseorang itu berada. | Undang-undang menjamin kesejahteraan hidup masyarakat<br><br>Undang-undang menjamin keselamatan di jalan raya<br>• Patuhi undang-undang dan peraturan jalan raya<br>• Tidak terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang jalan raya<br>- Perlumbaan haram<br>- Memandu tanpa lesen<br>- Memandu dalam keadaan mabuk<br>- Kecuaian pejalan kaki | Mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya bagi menjamin keselamatan diri dan orang lain | i. Mencari maklumat mengenai kesalahan-kesalahan di jalan raya<br><br>ii. Ceramah keselamatan di jalan raya oleh pegawai JPJ atau Polis<br><br>iii. Mempamerkan keratan akhbar yang berkaitan dan mengadakan perbincangan tentang pentingnya mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya |
| 6.2 Kebebasan Bersuara<br><br>Kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran dengan batasan tertentu bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman. | Kebebasan bersuara mencerminkan keluarga berfikiran terbuka<br><br>Amalan bermusyawarah sebagai budaya hidup berkeluarga<br>• Kebebasan mengeluarkan pendapat dalam perbincangan keluarga<br>- Perbincangan bersama keluarga dalam pelbagai hal<br>- Perasaan dan emosi dikawal | Berbincang dengan anggota keluarga dalam suasana yang harmoni | Sketsa atau main peranan sebagai anggota keluarga yang mengamalkan kebebasan bersuara dalam perbincangan secara terbuka dan harmoni |

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 6.3 Kebebasan Beragama<br><br>Kebebasan setiap individu untuk menganuti dan mengamalkan agamanya seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia. | **Kebebasan beragama lambang masyarakat majmuk**<br><br>Rakyat Malaysia merayakan pelbagai upacara keagamaan<br>• Kebebasan meraikan upacara keagamaan<br>- Sambutan Maulidur-Rasul (Islam)<br>- Hari Wesak (Buddha)<br>- Thaipusam (Hindu)<br>- Good Friday (Kristian)<br>- Hari Vasakhi (Sikh) | Meraikan upacara keagamaan sendiri dan menghormati upacara keagamaan orang lain | i. Perbincangan tentang perayaan keagamaan sendiri dan pentingnya menghormati perayaan keagamaan orang lain<br><br>ii. Menghasilkan folio tentang perayaan keagamaan di Malaysia |
| 6.4 Penglibatan Diri dalam Pembangunan Negara<br><br>Kebebasan untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pembangunan negara dengan mematuhi peraturan, undang-undang dan Perlembagaan Malaysia. | **Minda yang sihat melalui aktiviti yang bermanfaat**<br><br>Aktiviti kemasyarakatan dijayakan bersama<br>• Penyertaan dalam aktiviti luar sekolah yang membina dan berfaedah<br>- Aktiviti kebajikan dengan masyarakat setempat | Melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan demi pembangunan negara | Menyenaraikan aktiviti luar sekolah yang berfaedah dan mengkaji kesannya |

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 6.5 Sikap Keterbukaan<br><br>Bersedia memberi dan menerima pandangan, pembaharuan dan kritikan selaras dengan kebenaran fakta dan norma masyarakat Malaysia. | Sikap terbuka tanda kematangan fikiran<br><br>Teguran yang membina penting untuk kebaikan bersama<br>• Pendapat dan teguran diterima dengan sikap terbuka<br>- Akademik<br>- Kokurikulum<br>- Bimbingan dan kaunseling | <br><br>Menerima pandangan dan teguran orang lain demi kebaikan bersama | <br><br>Main peranan<br>- Orang yang memberi teguran dan orang yang menerima teguran dalam sesuatu hal. |

# BIDANG PEMBELAJARAN 7

# NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN

BIDANG PEMBELAJARAN 7 : NILAI BERKAITAN DENGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 7.1 Hidup Bersama Secara Aman<br><br>Hidup berbaik-baik antara satu sama lain dengan mengutamakan kedamaian dan keharmonian hidup tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. | **Perpaduan masyarakat tunggak kesejahteraan negara**<br><br>Semangat kejiranan membentuk kesejahteraan masyarakat<br>• Konsep kejiranan sebagai amalan dalam kehidupan bermasyarakat<br>- Kunjungan Muhibah (Rumah terbuka, hari keluarga, saling membantu, ziarah-menziarahi) | Menjadi jiran yang baik boleh dicontohi oleh masyarakat | i. Membincangkan ciri-ciri jiran yang baik<br>ii. Projek : membantu jiran dan membuat laporan |
| 7.2 Saling Membantu dan Bekerjasama<br><br>Usaha yang baik dan membina yang dilakukan bersama pada peringkat individu, komuniti atau negara untuk mencapai sesuatu matlamat. | **Hidup sepakat membawa berkat**<br><br>Permuafakatan masyarakat untuk kebaikan bersama<br>• Permuafakatan dalam melaksanakan tugas kemasyarakatan<br>- Gotong royong<br>- Rukun Tetangga<br>- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung<br>- Program Permuafakatan | Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti masyarakat untuk kesejahteraan bersama | Melibatkan diri dalam salah satu program komuniti dan membuat laporan ringkas |

| NILAI | KANDUNGAN AKADEMIK | HASIL PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI PEMBELAJARAN |
|---|---|---|---|
| 7.3 Saling Menghormati antara Negara<br><br>Menghargai dan memuliakan hubungan antara negara untuk menjamin kesejahteraan sejagat. | Kesepakatan antara negara menjamin kemakmuran sejagat<br><br>Amalan saling menghormati antara negara menjamin kemantapan ekonomi<br>• Perasaan bertolak ansur dan hormat-menghormati antara negara untuk kesepakatan serantau | Menerima hakikat bahawa perasaan bertolak ansur dan saling menghormati antara negara menjamin kesepakatan dan pembangunan serantau | i. Menghasilkan buku skrap tentang kesepakatan antara negara serantau dalam pelbagai aspek.<br><br>ii. Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber tentang penyelesaian secara diplomasi isu kesempadanan antara negara dan mempamerkan di kelas |